



BULETIN UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.6 Jun 2022 | ISSN 2232-0415



10 ribu pengunjung meriahkan penutup Jom Masuk IPT Zon Selatan 2022

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe

UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 10 ribu pengunjung meriahkan penutup Jom Masuk IPT Zon Selatan 2022
- 2 UTHM perkasakan agenda TVET pengajian tinggi, mahu lahir ramai graduan berkemahiran
- 3 UTHM tersenarai dalam THE Asia Rankings 2022
- 4 UTHM bersama MTUN komited jalin kerjasama dengan JPPKK, perkasa TVET peringkat nasional
- 4 Pelajar B40 UTHM terima 1000 pelan data, 100 unit komputer riba
- 5 UTHM Commercial Laboratories peroleh pengiktirafan Pensijilan Akreditasi MS ISO/IEC 17025
- 6 UTHM raih Anugerah Reka Bentuk Terbaik di Robocon Malaysia 2022
- 9 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my

MAJLIS MENANDATANG PERSEFAHAMAN

DI ANTARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ K
DAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





Majlis Perasmian Penutup Jom Masuk IPT 2022 disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Profesor Dato' Dr. Husaini Omar selaku wakil rasmi Menteri Pengajian Tinggi.

10 ribu pengunjung meriahkan penutup Jom Masuk IPT Zon Selatan 2022

BATU PAHAT – Kira-kira 10 ribu pengunjung hadir memeriahkan penutup Jom Masuk IPT (JMIPT) Zon Selatan bagi tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 24 dan 25 Jun lalu.

Selapas berakhirnya fasa satu yang melibatkan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Sarawak, program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini diteruskan ke fasa dua melibatkan empat zon iaitu di Zon 5 Sabah (4 dan 5 Jun di Kota Kinabalu), Zon 6 Timur (11 dan 12 Jun di Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan), Zon 7 Timur (17 dan 18 Jun di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu) dan Zon 8 Selatan (24 dan 25 Jun di UTHM Batu Pahat).

Proram ini dianjurkan bertujuan memberi dan menyebarkan luas informasi yang bermanfaat khususnya kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Matrikulasi dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) serta individu yang berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Majlis Perasmian Penutup Jom Masuk IPT 2022 yang diadakan pada 24 Jun 2022 disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Profesor Dato' Dr. Husaini Omar selaku wakil rasmi Menteri Pengajian Tinggi.

Menurut Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi, UTHM telah menyediakan kira-kira 60 ruai pameran melibatkan penyertaan universiti awam dan swasta serta pelbagai agensi di seluruh negara, disertai dengan sesi konsultasi dan perkongsian informasi sepanjang dua hari program berlangsung.

Tambah beliau, program yang bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik lain antaranya seminar kemasukan pelajar, Career Talk: Inspirasi Kerjaya bersama Amin Idris, Sembang Santai bersama Alumni UTHM, persembahan kesenian dan kebudayaan, gerai jualan dan keusahawanan pelajar, produk showcase pelajar TVET dan demonstrasi Barista.

Turut diadakan, perkongsian informasi daripada agensi awam antaranya daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP).

Selain itu, JMIPT turut menjemput kira-kira 100 pelajar cemerlang lepasan SPM yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli negeri Johor bagi menyertai Seminar Hala Tuju Pelajar Lepas SPM yang diadakan pada hari yang sama.

Manakala bagi menghargai kehadiran pengunjung, penganjur juga mengadakan sesi cabutan bertuah secara berkala di Dewan Sultan Ibrahim. Hadaiah-hadiah menarik yang tersedia antaranya pek hamper, jam tangan, TV LED 42 inci dan alat peranti.

“Pihak UTHM akan sentiasa menyokong penganjuran program sebegini bagi memberi manfaat kepada masyarakat khususnya penduduk setempat.

“Pihak kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada KPT atas kepercayaan yang diberi bagi menjayakan penutup Jom Masuk IPT bagi tahun ini,” kata Dr. Raja Zuraidah.



UTHM perkasakan agenda TVET pengajian tinggi, mahu lahir ramai graduan berkemahiran



BATU PAHAT, 19 Jun 2022 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sentiasa menyokong hasrat negara dalam memperkasakan agenda Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) pengajian tinggi sekali gus menghasilkan tenaga kerja berkemahiran menjelang 2030.

Bagi menzahirkan tanda sokongan tersebut, satu Majlis Perasmian Pemerkaasan TVET dan Kerjasama Strategik UTHM-Industri telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad hadir menyempurnakan majlis tersebut sekali gus menjadi saksi bagi sesi menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UTHM dengan 32 wakil industri.

Menurut Datuk Noraini, pihaknya sangat menyokong inisiatif UTHM dalam mewujudkan kerjasama dengan 32 industri sebagai usaha memperkasakan mahasiswa dan memantapkan lagi kelestarian IPT, khususnya dalam bidang keusahawanan dan teknikal.

“Kerjasama UTHM-Industri dalam bidang kebolehpasaran graduan, akademik dan juga penyelidikan ini menjadi bukti komitmen serta kesungguhan pihak UTHM dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan program yang telah dirancang,” katanya.

Lebih membanggakan, UTHM menjadi satu-satunya universiti awam di Malaysia ini yang mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Sejak adanya pengiktirafan ini, UTHM telah berjaya melahirkan 1,086 orang graduan yang mempunyai ijazah bersekali dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Bahkan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM turut diiktiraf sebagai Pusat Pensijilan untuk Certification Service Technician Programme (CSTP) oleh Jabatan Alam Sekitar.

“Pengiktirafan seumpama ini sudah tentu memberikan peluang kepada institut pengajian tinggi (IPT) seperti UTHM untuk melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan dan juga teknikal,” katanya.

Pada majlis tersebut, beliau turut melawat booth pameran serta merasmikan Projek Pilot bagi Teknousahawan Work@Campus, Pusat Bertauliah JPK & CSTP, Centre of Industry (Digital Innovation Centre – DICE) dan TVET-UNiTY.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dr. Mohd Zabri Yusoff, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, Prof. Dato’ Dr. Husaini Omar, Naib Canselor UTHM, Prof. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Presiden Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Tan Sri Dato’ Soh Thian Lai, Pegawai Daerah Batu Pahat, Tuan Haji Nasri Md Ali dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh.



UTHM tersenarai dalam THE Asia Rankings 2022



BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus melakar sejarah apabila buat julung kalinya tersenarai dalam Times Higher Education Asia Rankings 2022 pada kedudukan 401-500.

Kedudukan ini juga sekali gus menempatkan UTHM di kedudukan ke-16 bagi Institut Pengajian Tinggi di Malaysia dan berada di tangga kedua dalam kalangan Malaysia University Technical Network (MTUN).

Kejayaan ini dinilai berdasarkan lima skor utama merangkumi *citations*, *industry income*, *international outlook*, *research* dan *teaching*.

Sebelum ini UTHM belum pernah tersenarai dalam kedudukan THE Asia Rankings.

Prestasi sulung ini sudah pastinya hasil sumbangan seluruh warga UTHM yang dipacu oleh hala tuju yang baharu iaitu UTHM sebagai sebuah Global Technopreneur University (GTU 2030).


Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata, Pelan Strategik 2021-2025 UTHM telah menggariskan matlamat yang jelas ke arah pendigitalan program TVET selaras dengan visi UTHM iaitu “Menjadi Universiti Teknikal Global Dalam Teknologi Lestari dan Pengangkutan.”

“Semoga rekod kejayaan ini mampu menyuntik motivasi kepada UTHM untuk terus komited membangunkan ekosistem teknousahawan menerusi penekanan terhadap bidang TVET sebagai pemangkin inovasi dan sinergi antara universiti dan masyarakat,” katanya.

“Penarafan ini juga merupakan satu pengiktirafan global selain sebagai satu tanda positif bahawa UTHM berada di landasan tepat ke arah mencapai GTU menjelang 2030 nanti,” katanya.

Beliau turut menyeru warga kampus agar terus memberi komitmen dan sokongan penuh bagi memastikan universiti ini dapat mencipta lebih banyak kecemerlangan pada masa hadapan.

“Penarafan ini juga merupakan satu pengiktirafan global selain sebagai satu tanda positif bahawa UTHM berada di landasan tepat ke arah mencapai GTU menjelang 2030 nanti,” katanya.



UTHM bersama MTUN komited jalin kerjasama dengan JPPKK, perkasa TVET peringkat nasional

PUTRAJAYA – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk memperkasakan lagi TVET di peringkat nasional khusus dalam bidang pendidikan, latihan dan penyelidikan.

Majlis MoU yang berlangsung di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada 2 Jun lalu disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

MTUN diwakili Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM; Profesor Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Profesor Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) manakala JPPKK diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Ts. Zainab Ahmad.

Menurut Prof. Ruzairi, MoU ini bakal memberi manfaat jangka masa panjang kepada JPPKK dan MTUN menerusi kerjasama dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan latihan, mahupun perkongsian inisiatif dua kolaborasi bersama

industri serta peluang pensyarah politeknik dan kolej komuniti menyambung pengajian ke peringkat sarjana atau doktor falsafah serta artikulasi program.

“Sebagai universiti perintis dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini, UTHM akan sentiasa menyokong hasrat utama kerajaan bagi memperkasakan TVET dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di peringkat nasional.

“Semoga inisiatif seumpama ini dapat membantu negara melahirkan lebih ramai graduan TVET yang akan memenuhi pasaran kerja berkemahiran,” katanya.

UTHM kini menawarkan 15 program teknologi kejuruteraan di peringkat sarjana muda, satu di peringkat sarjana, satu di peringkat doktor falsafah dan empat program diploma.

Sementara itu, YB Menteri menyarankan agar Centre of Excellence (COE) MTUN dan Centre of Technology (COT) Politeknik mengembeling tenaga dalam memperkasakan aktiviti kolaborasi, perkhidmatan kepakaran serta penyelidikan dan juga inovasi.

Inisiatif ini seiring aspirasi KPT Prihatin yang akhirnya berupaya memperkasakan TVET agar dilihat saling melengkapi dengan keperluan kemahiran dan teknikal komuniti hari ini.



“Sebagai universiti perintis dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini, UTHM akan sentiasa menyokong hasrat utama kerajaan bagi memperkasakan TVET dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di peringkat nasional.”

Pelajar B40 UTHM terima 1000 pelan data, 100 unit komputer riba

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Jawatankuasa Pelan Data dan Peranti UTHM dan Jawatankuasa Digital UTHM telah membantu pelajar golongan B40 menerima bantuan peranti komputer riba dan pelan data bagi kegunaan pembelajaran.

Serahan sumbangan peranti dan pelan data telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dato’ Dr Husaini Omar kepada wakil pelajar Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi dan Timbalan Yang Dipertua, Saiyidah Syasya Aliah Ahmad Sallehudin semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Penutupan Jom Masuk IPT tahun 2022 bagi Zon Selatan di Dewan Sultan Ibrahim pada 24 Jun 2022.

Jumlah peruntukan daripada universiti bagi 100 unit komputer riba bernilai RM199,500.00 manakala pelan data bernilai RM127,200.00 untuk 1000 pelajar.

Menurut Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Haszrinaz Husain@Hashim, proses yang dilaksanakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar merupakan satu proses kerja yang perlu dirancang dengan rapi.

“Proses kerja melibatkan hebahan kepada pelajar, pemilihan pelajar yang layak melalui sesi temubual dan sistem had kifayah serta pemilihan akhir pengesahan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Data dan Peranti UTHM,” katanya.

UTHM berharap dengan penerimaan bantuan peranti dan pelan data tersebut, kebajikan pelajar B40 di UTHM dapat dijaga dan mereka dapat meneruskan pengajian di universiti ini dengan sebaik mungkin.



“Proses kerja melibatkan hebahan kepada pelajar, pemilihan pelajar yang layak melalui sesi temubual dan sistem had kifayah serta pemilihan akhir pengesahan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Data dan Peranti UTHM,”

UTHM Commercial Laboratories peroleh pengiktirafan Pensijilan Akreditasi MS ISO/IEC 17025



BATU PAHAT - Enam makmal penyelidikan di bawah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Commercial Laboratories berjaya memperoleh pengiktirafan Pensijilan Akreditasi MS ISO/IEC 17025 oleh Jabatan Standard Malaysia pada 10 Mei 2022 lalu.

Makmal yang terlibat merangkumi Research Center for Applied Electromagnetics (EMCenter), Research Center for Soft Soil (RECESS), Microelectronics and Nanotechnology- Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC), Jamilus Research Centre (JRC), Wastewater Engineering Laboratory (WWEL) dan Advanced Material Engineering Laboratory (AMEL).

Rentetan kejayaan itu, satu Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi MS ISO /IEC 17025 telah diadakan bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), kampus induk pada 26 Jun 2022.

Majlis anjuran Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Turut hadir, Naib Canselor UTHM, Profesor. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim; Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Elain Lockman; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar serta kepimpinan dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Institut Kejuruteraan Integrasi, UTHM.

Menurut Dato' Sri Ibrahim, pensijilan MS ISO / IEC 17025 ini merupakan pengiktirafan yang amat bermakna kepada UTHM kerana ia merupakan piawai antarabangsa, khusus kepada elemen dan operasi terhadap sistem pengurusan kualiti bagi kerja-kerja dalam makmal dan penyelarasan kerja.

“Saya tahu proses akreditasi makmal UTHM Commercial Laboratories ini bukan satu proses yang mudah kerana pelbagai cabaran terpaksa dihadapi bagi memenuhi kehendak dan kriteria auditan.

“Tanpa kerjasama dan sokongan padu dari semua pihak termasuklah pengurusan tertinggi universiti dan fakulti serta pihak (I²E), kejayaan seumpama ini sukar dicapai,” katanya.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada 6 makmal yang terlibat dibawah UTHM Commercial Laboratories seperti berikut:





BIL	MAKMAL	KETUA
1	Research Center for Applied Electromagnetics (EMCenter)	Prof. Madya Dr Shamsul Haimi Bin Dahlan
2	Research Center for Soft Soil (RECESS)	Ts. Dr. Nor Azizi Bin Yusoff
3	Microelectronics and Nanotechnology- Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC)	Prof. Madya Ir. Dr Soon Chin Fhong
4	Jamilus Research Centre (JRC)	Ir. Dr. Sallehuddin Shah bin Ayop
5	Wastewater Engineering Laboratory (WWEL)	Ts. Dr. Hj. Roslinda binti Seswoya
6	Advanced Material Engineering Laboratory (AMEL)	Ir. Dr. Mohammad Soffi bin Md Noh

UTHM raih Anugerah Reka Bentuk Terbaik di Robocon Malaysia 2022



PULAU PINANG – Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memenangi Anugerah khas Robocon Malaysia 2022 kategori Reka Bentuk Terbaik pada 5 Jun 2022 lalu.

Kumpulan pelajar UTHM mempertaruhkan robot mereka yang dikenali sebagai R1 dan R2 di pertandingan yang melibatkan penyertaan 24 pasukan dari 20 universiti seluruh Malaysia.

Mereka terdiri daripada Muhammad Zulhili Naim Azmi, Ahmad Haziq Ahmad Yusof, Nurul Ainaa Juhari, Nur Fazrina Abdul Rahim, Ahmad Zaim Amin Selamat, Nur Fazlin Mohamad Idros, Mohammad Izzat Azahar, Ahmad Syarizal Mohd Zubir, Mahamat Idriss Mahamat, Mohd Izzul Ariffi Ardani dan Muhammad Azharruddin Angsor.

Kumpulan ini diselia oleh Ir. Dr. Budiman Azzali Basir dan Rosley Sawarno.

Menurut Dr. Budiman, rekaan robot ini berasaskan konsep modular iaitu *base module*, *control module* dan *game module*.

Robot R1 menggunakan *swerve drive mechanism* yang mana pasukan UTHM menjadi pasukan pertama membangunkan dan menggunakan mekanisma *swerve drive* dalam pertandingan Robocon peringkat kebangsaan.

“Ia juga mempunyai *shooting mechanism* yang dipasang pada dasarnya dengan 2 degree of freedom

(DOF) yang membolehkan ia menyasarkan bola ke *Ball on Head* pihak lawan.

“Reka bentuk robot yang berkonsepkan *plug and play* serta unik ini adalah disebabkan ciri-ciri mekanismanya yang belum pernah digunakan di dalam pertandingan Robocon Malaysia sebelum ini,” katanya.

Sementara itu Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Rosli Omar turut merakamkan ucapan tahniah beliau kepada pasukan ini.

“Saya berharap kejayaan pasukan ini dapat memberi motivasi kepada pasukan akan datang dan pelajar-pelajar lain untuk terus bersaing, sentiasa melihat ke hadapan dan juga berusaha mengharumkan nama universiti.

“Pertandingan ini bukan sekadar satu pertandingan, ianya juga merupakan platform bagi pelajar untuk mempelajari reka bentuk, kemahiran baharu dan mewujudkan jaringan kerjasama bersama universiti luar,” katanya.

FKEE juga mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pembangunan Pelajar (PBP) dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) UTHM atas sokongan dan bantuan sepanjang perjalanan Robocon 2022.

Tonton perjalanan dan hasil reka cipta mereka untuk Robocon Malaysia 2022 di pautan berikut, <https://youtu.be/bGdNtqoIPJE>





IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN KEPUJIAN (BIT)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA

PENGANALISA SISTEM

PEMBANGUN SYSTEM

JURUTERA SISTEM

PENGURUS PROJEK IT

PEREKA WEB



KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME




Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

Terbitan Terkini




HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

Terbitan Terkini



REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Seajar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030